

**PERINGATAN: Tidak Boleh Disiarkan Sebelum 18 Oktober 2024
Jam 1100**

TEKS PERUTUSAN ULUNG PANGLIMA TENTERA LAUT KE-19
LAKSAMANA DATUK ZULHELMY BIN ITHNAIN
DI AUDITORIUM KEMENTAH

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan sekalian alam, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, para sahabat serta keluarga baginda.

Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Ts. Shamsuddin bin Hj Ludin, Panglima Armada Barat.

Yang Berbahagia Laksamana Madya Datuk Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy, Panglima Armada Timur.

Panglima-Panglima, Dato'-Dato', Pegawai-Pegawai Memerintah, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai Waran Tentera Laut, Pegawai-Pegawai Waran Markas, warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian serta rakan media yang turut hadir pada pagi ini.

dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, saya berpeluang berdiri di sini untuk menyampaikan perutusan ulung Panglima Tentera Laut Ke-19. Sesungguhnya, saya dengan penuh tawaduk memohon kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa diberikan taufik dan hidayah serta kekuatan fizikal, mental dan *spiritual* untuk saya melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi, bijaksana dan amanah.

PENGHARGAAN

2. Pertamanya, saya menjunjung kasih dan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia di atas perkenan baginda melantik saya sebagai Panglima Tentera Laut Ke-19. Jutaan terima kasih juga buat Kerajaan Malaysia, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Barisan Kepimpinan Kementerian Pertahanan, khususnya Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Yang Berbahagia Panglima Angkatan Tentera dan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan kerana telah memberi kepercayaan untuk saya memimpin Tentera Laut Diraja Malaysia. Berdirinya saya di sini juga adalah atas kerjasama dan sokongan padu Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga *the Navy People* yang merupakan nadi penggerak kepada TLDM yang kita semua kasih.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada Mantan Panglima Tentera Laut Ke-18, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk meneruskan kepimpinan TLDM. Sumbangan beliau kepada perkhidmatan amatlah bernilai tinggi dan akan senantiasa dikenang serta dijadikan panduan kelak. Tidak dilupakan, terima kasih juga diucapkan kepada barisan kepimpinan terdahulu dan para veteran TLDM yang telah mencurahkan keringat dan pengorbanan yang tidak dapat dihitung demi membangunkan TLDM dan meletakkannya di landasan yang betul.
4. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua orang tua saya yang telah membesar dan mendidik saya untuk bersedia mengharungi hidup yang serba mencabar ini. Tak lupa juga untuk isteri dan anak-anak tersayang yang sentiasa berdiri kukuh di belakang saya dan memberikan sokongan padu dalam apa jua keadaan sekalipun hingga ke saat ini.
5. Sebelum saya menyampaikan amanat sebagai PTL Ke-19, saya mengambil kesempatan ini bagi menegaskan komitmen saya untuk terus memimpin warga *the Navy People* ke arah kecemerlangan. Sebagai pemimpin tertinggi TLDM, saya bertekad untuk **terus merangsang pencapaian dan kecemerlangan TLDM yang telah dipelopori oleh kepimpinan terdahulu serta berjanji untuk terus menegakkan nilai-nilai teras TLDM iaitu kemuliaan, kesetiaan, keberanian dan kebanggaan**. Saya juga mahukan semua warga *the Navy People* turut dan terus menjawai nilai-nilai teras TLDM ini.

PRAKATA

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

6. Kita sedia maklum bahawa **pembangunan ekonomi negara, kestabilan politik dan keselamatan** adalah **tiga faktor kejayaan kritikal** dalam menjamin keselamatan tanah air serta kemakmuran sesebuah negara. Malaysia merupakan sebuah negara maritim dan TLDM sebagai salah satu entiti di bawah payung ATM, bertanggungjawab untuk menjaga dan mempertahankan kedaulatan perairan negara sebilang masa. Adalah satu keperluan untuk TLDM menjadi sebuah angkatan laut yang lebih menyeluruh iaitu berkeupayaan melaksanakan operasi dan berperang dalam keempat-empat dimensi peperangan iaitu udara, atas permukaan serta bawah permukaan air dan elektronik.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

7. Tahun 2024 merupakan tahun yang amat mencabar buat TLDM yang mana kita diuji dengan pelbagai insiden yang memberi impak mendalam terhadap TLDM. Insiden helikopter terhempas, KD PENDEKAR karam dan kematian anggota penyelam semasa operasi merupakan detik hitam dalam sejarah TLDM yang dalam masa yang sama turut membawa kesedaran kepada kita akan perlunya kesiagaan, keselamatan dan pengurusan risiko dalam operasi.

8. Marilah kita mengambil masa sejenak untuk mengenang kembali jasa dan pengorbanan para wira dan wirawati yang telah terkorban dalam insiden-insiden ini. Mereka berkhidmat dengan penuh dedikasi dan keberanian demi mempertahankan negara tercinta. Pengorbanan mereka tidak mungkin dilupakan dan sebagai penghormatan, kita bertanggungjawab untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berulang. Justeru, komitmen semua pihak amat diperlukan dan saya berharap agar seluruh warga *the Navy People* mengambil langkah proaktif demi memartabatkan kembali nama baik TLDM serta mengelakkan daripada insiden yang sama berulang kembali.
9. Dugaan dan cabaran adalah lumrah dalam kita meneruskan perjuangan dan ianya pasti akan diiringi dengan hikmah dari Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Saya mengharapkan warga *the Navy People* tidak sesekali beranggapan bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi sebagai batu penghalang, sebaliknya ia merupakan suatu peluang untuk kita sama-sama buktikan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia bahawa TLDM adalah *robust* dan fleksibel iaitu mampu mengadaptasi dan menghadapi pelbagai situasi dan keadaan dari semasa ke semasa. Hasrat ini juga tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kita berusaha secara sendirian atau berasingan, sebaliknya sokongan dan komitmen yang jitu amat diperlukan dari semua peringkat warga *the Navy People*, ATM, Kementerian, Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia.

10. Saya percaya **4 TERAS** yang telah dibangunkan sebelum ini, adalah alat atau *tools* yang terbaik dan masih lagi tepat dan relevan untuk diteruskan. Sehubungan itu, saya berhasrat untuk **MENGEKALKAN 4 TERAS** tersebut namun akan menterjemah dan memberikan ulasan mengenai inisiatif yang akan dilaksanakan mengikut perspektif saya dan keadaan semasa. Bagi menentukan keberhasilan 4 TERAS ini, saya turut menggariskan **3 KEUTAMAAN** yang perlu diberi perhatian yang mana akan saya kupas sebentar lagi.

4 TERAS SEMASA

TERAS PERTAMA - MEMASTIKAN KESIAGAAN ARMADA SEBAGAI FOKUS UTAMA

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

11. **TERAS PERTAMA** adalah **MEMASTIKAN KESIAGAAN ARMADA SEBAGAI FOKUS UTAMA**. Pada hemat saya, kalimat ‘*We Exist Because of the Fleet*’ perlu terus dijadikan pegangan. Saya mahu warga *the Navy People* semua sedar kita memikul amanah yang besar dalam membentuk ketumbukan armada yang kredibel. Oleh sebab itu, dalam mengungkapkan kata keramat ‘*We Exist Because of the Fleet*’, semua tumpuan akan dijuruskan untuk melaksanakan pengurusan dan senggaraan armada secara komprehensif dan terancang. Mengambil kira cabaran jumlah aset sedia ada berbanding tuntutan operasi semasa, hanya dengan tahap kesiagaan yang tinggi sahaja membolehkan kita mencapai sasaran penugasan dengan sepenuhnya. Kesiagaan armada adalah nadi kepada kejayaan operasi TLDM manakala keupayaan armada dalam bertindak balas dengan

pantas serta efisien terhadap sebarang ancaman atau cabaran di laut adalah merupakan faktor penentu dalam menjaga kedaulatan dan kepentingan maritim negara yang tercinta.

12. Dalam usaha memastikan kesiagaan armada berada pada tahap tertinggi, aspek penyelenggaraan kapal-kapal TLDM perlu diberi penekanan dan perhatian serius serta tidak boleh dipandang ringan oleh warga *the Navy People*. Kesiagaan kapal termasuk peralatan dan sistem sokongan teknikal hendaklah sentiasa berada dalam keadaan terbaik sepanjang masa. Penyelenggaraan berjadual yang telah sekian lama diamalkan bukan hanya satu keperluan tetapi suatu keutamaan yang perlu dipantau dari semasa ke semasa. Saya mengharapkan agar warga *the Navy People* tidak bertolak ansur dalam hal ini dan setiap masalah teknikal walaupun kecil perlu ditangani dengan segera. Saya akuikekangan peruntukan kewangan juga kadang kala mendatangkan kesan kepada Markas-markas Pemerintahan dan formasi, namun kekangan peruntukan kewangan ini tidak boleh dilihat sebagai kata putus, sebaliknya saya amat berharap agar **pendekatan baru dan berhemah yang lebih kreatif serta inovatif** dapat diwujudkan agar objektif teras ini dapat dicapai sepenuhnya.

13. Sementara kita bergelut dengan situasi semasa kesiagaan armada, TLDM telah mengambil inisiatif pantas dengan melaksanakan program *Re-Life* terhadap kapal-kapal yang telah usang. Inisiatif seperti *Ship Life Extension Programme* (SLEP), *Mid-Life Upgrade* (MLU), *Obsolescence Programme* (OP), *Repowering Programme* dan *SMART Refit* diakui memberikan impak yang positif kepada organisasi TLDM.

Walau bagaimanapun, kita perlu sedar, inisiatif ini hanyalah sementara ataupun interim yang bukanlah kita perlukekalkan sehingga kita terpaksa mengoperasikan kapal-kapal yang telah melangkaui usia ini. **Kajian yang kukuh serta mapan perlu dilaksanakan** agar ianya tidak tersasar dari Penajaran Pelan Transformasi TLDM 15 to 5 (Platform) yang telah dibangunkan oleh TLDM. *Our focus remains the modernisation of our fleet.*

14. Selain itu, kepentingan teknologi terkini juga tidak boleh diabaikan dalam usaha memastikan kesiagaan armada berada pada tahap tertinggi. Perkembangan teknologi pertahanan maritim bergerak pantas dan TLDM harus terus seiring dengan **memanfaatkan teknologi terkini**. Inisiatif seperti perolehan sistem dan peralatan baru akan kekal diteruskan dengan penetapan tertentu agar perolehan tersebut mendatangkan *Return of Investment* (ROI) kepada TLDM. Perolehan dan pembangunan aset-aset TLDM ini juga hendaklah mendukung pelan dan inisiatif yang telah dibangunkan kerajaan dan kementerian. Salah satu inisiatif yang akan ditekankan adalah dengan mengutamakan teknologi di dalam negara bagi memperkasakan Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN). Saya berpandangan inisiatif ini wajar diteruskan TLDM agar kebergantungan terhadap *Original Equipment Manufacturer* (OEM) luar negara dan kepakaran asing dapat dikurangkan seterusnya memperkasa bidang industri pertahanan tempatan sebagai pemangkin ekonomi negara.

15. Saya juga ingin menegaskan **aspek kesiagaan warga the Navy People** yang mengendalikan aset-aset TLDM juga merupakan elemen penting dalam Teras ini. Setiap warga hendaklah diberi latihan yang berterusan dan relevan dengan perkembangan teknologi. Latihan yang komprehensif seperti latihan simulasi, latihan bilateral serta multilateral, pelayaran jarak jauh dan pengendalian situasi kecemasan hendaklah dijalankan secara berkala tanpa kompromi. Latihan ini juga hendaklah bukan sahaja melibatkan kemahiran teknikal tetapi juga kerjasama berpasukan, daya tahan fizikal dan mental serta keupayaan untuk membuat keputusan dengan cepat dan tepat dalam situasi tekanan tinggi. Saya berharap agar semua warga *the Navy People* terutamanya Panglima-panglima dan Pegawai-pegawai Memerintah bertanggungjawab menghayati dengan lebih mendalam agar setiap latihan yang dijalani adalah bertujuan untuk menyediakan warga yang kompeten tanpa gagal.

TERAS KEDUA - MEMPERKASA PENJAJARAN PELAN TRANSFORMASI TLDM 15to5 (PLATFORM)

16. **TERAS KEDUA** adalah **MEMPERKASA PENJAJARAN PELAN TRANSFORMASI TLDM 15to5 (PLATFORM)**. TLDM telah melaksanakan Penajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform) untuk menangani isu keusangan dan usaha untuk meningkatkan keupayaan armada. Pelan ini adalah sebagai inisiatif pelan perolehan dan penggantian kapal yang lebih moden, dengan teknologi terkini dan dibina di dalam negara oleh limbungan-limbungan tempatan. Rancangan pelan perolehan ini juga adalah sangat signifikan bagi membolehkan TLDM melaksanakan operasi dengan lebih efisien dan efektif. Ditambah dengan konflik tuntutan bertindih zon maritim yang

berlaku di perairan Malaysia terutamanya di Laut China Selatan dan kehadiran aset tentera laut negara asing di perairan maritim negara, tindakan drastik dan holistik perlu dilaksanakan demi memastikan Malaysia kekal aman dan selamat.

17. Secara amnya, TLDM melalui Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform) akan memberi penumpuan kepada perolehan aset-aset baharu yang dijangka dapat menyelesaikan masalah kekangan jumlah kapal, penggantian kapal yang telah usang dengan kapal yang mempunyai peningkatan keupayaan dan pelaksanaan selenggaraan yang efisien. Pelan ini juga perlu **mendukung hasrat Kertas Putih Pertahanan (KPP), Strategi Ketenteraan Negara (SKN 2.0) dan pembangunan Angkatan Masa Hadapan (AMH)**. Pembangunan keupayaan yang dilaksanakan TLDM perlu berlandaskan enam ciri-ciri AMH iaitu **Kebersamaan, Kebolehoperasian, Berasaskan Teknologi, Berorientasikan Misi, Kecekapan Logistik dan Berupaya untuk Beroperasi di Dua Wilayah**. Selain itu, segala keperluan reka bentuk, spesifikasi dan *platform* yang ditetapkan akan turut diadaptasikan untuk pelaksanaan operasi bersama terutama dengan rakan-rakan seperkhidmatan Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Apa yang penting adalah hasil pencapaian atau matlamat yang dihasratkan selari dengan pucuk pimpinan tertinggi TLDM khasnya dan ATM amnya.

18. Sedia maklum, sebahagian daripada kapal-kapal TLDM telah melebihi usia penggunaan yang optimum terhadap keupayaan, teknologi dan kos selenggaraan seperti termaktub di dalam Dasar Kasting ATM. Projek-projek utama yang sedang berlangsung seperti projek pembinaan kapal *Littoral Combat Ship* (LCS) dan Perolehan *Littoral Mission Ship* (LMS) Batch Kedua yang berkeupayaan kombatan secara tidak langsung akan meningkatkan keupayaan TLDM. Justeru, perancangan ***Phased In Phased Out (PIPO)*** juga perlu mula dirancang sesuai dengan keperluan yang telah digariskan di dalam Penajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform) ini. Inisiatif ini perlu sentiasa diperhalusi agar jurang pengawasan dan keupayaan TLDM sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

TERAS KETIGA - MENGUKUHKAN INTEGRASI DAN SINERGI ANTARA ANGKATAN SERTA JOINTNESS

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

19. **TERAS KETIGA** adalah **MENGUKUHKAN INTEGRASI DAN SINERGI ANTARA ANGKATAN SERTA JOINTNESS**. Perkara ini menjadi satu keperluan dalam hampir semua operasi melibatkan unsur-unsur pertahanan. Saya ingin aspek ini ditekankan dan warga *the Navy People* perlu sedar akan betapa pentingnya kebersamaan (togetherness) dan *jointness* dalam kita mencapai kejayaan yang lebih besar. Dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks, kita tidak lagi boleh bergerak sendirian. **Kepakaran, sumber daya dan teknologi yang berbeza harus diintegrasikan melalui semangat kebersamaan yang kukuh.**

20. Dalam konteks ini, *jointness* bermaksud bukan sahaja menggabungkan sumber dan aset, tetapi juga mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara pelbagai bahagian dan agensi. Ini termasuk kerjasama antara TDM, TUDM, APMM serta kerjasama dengan sektor awam, industri, dan komuniti antarabangsa yang lain. Pendekatan ***Whole of Government and Whole of Society (WoGoS)*** adalah kunci kepada jalinan kerjasama ini dan merupakan kaedah terbaik dalam menangani cabaran masa hadapan. WoGos turut telah diadaptasi di dalam ATM dan perkhidmatan lain membuktikan ianya tidak boleh diabaikan oleh TLDM. Penglibatan aktif perlu diteruskan dari semasa ke semasa agar peranan TLDM dapat diperluas dan diiktiraf masyarakat umum.
21. Selain itu, ATM telah menetapkan agar reformasi angkatan dilaksanakan bagi mendokong visi pertahanan dan kepentingan negara berdasarkan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, selamat serta makmur. Penetapan hasrat agar ATM menjadi benteng utama pertahanan negara melalui AMH yang bersepadu, tangkas dan berfokus menjelang tahun 2030 turut dikenali sebagai **Reformasi Angkatan 30**. Reformasi ini memerlukan keterlibatan aktif TLDM dan matlamat saya agar **segala penumpuan TLDM yang akan dilaksanakan selepas ini hendaklah berpandu dan berpaksikan kepada penetapan objektif, gerak tindak dan penguatkuasaan yang telah dikeluarkan**.

TERAS KEEMPAT - MEMPERKASA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA.

22. TERAS KEEMPAT adalah **PEMERKASAAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**. Saya percaya, untuk menjamin kekuatan dan keberkesanan TLDM, ia bukan hanya bergantung kepada aset dan teknologi, tetapi juga kepada pengurusan sumber manusia yang cekap dan berdaya saing. Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan *profesionalisme* dan disiplin tinggi, TLDM perlu sentiasa memperbaharui dan memperkuuh pengurusan sumber manusia yang kompeten bagi memastikan setiap anggota dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

23. Bagi memenuhi hasrat ini, pembangunan kerjaya setiap anggota perlu diberi perhatian serius. TLDM perlu menyediakan laluan kerjaya yang jelas dan peluang kenaikan pangkat berdasarkan merit dan prestasi. Dengan cara ini, perkhidmatan dapat memastikan setiap anggota berasa dihargai dan bermotivasi untuk terus berkhidmat dengan cemerlang. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan khususnya terhadap dasar pengurusan sumber manusia termasuk mengemaskini **Struktur Laluan Kerjaya (SLK)** dan **Pembangunan Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL)** kekal diteruskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa dalam mencapai objektif teras ini.

24. Memandangkan aktiviti pembangunan sumber manusia mengambil masa yang panjang, TLDM perlu lebih teliti agar **perancangan lebih efisien dan sejajar dengan perkembangan perolehan aset-aset baru**. TLDM juga harus sentiasa memastikan struktur organisasi mengikut perkembangan zaman dan berupaya memenuhi amanat yang ditetapkan oleh kerajaan dan rakyat. Selain itu, saya turut berkehendakkan usaha berterusan dilaksanakan agar setiap tugas yang diberikan kepada mereka yang layak melalui **konsep ‘Right Man For The Job’**. Ini merupakan cabaran pengurusan sumber manusia yang perlu ditangani secara berterusan di samping mewujudkan persekitaran yang menghasilkan kepuasan kerja yang tinggi untuk semua peringkat warga *the Navy People*.

25. Saya juga ingin **memperteguh komitmen untuk memperkasa peranan dan keberkesanan Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM)**. PSSTLDM ini bukan hanya terdiri daripada anggota yang bersiap sedia untuk dipanggil dalam keadaan kecemasan, tetapi juga merupakan elemen penting dalam mengukuhkan perpaduan nasional dan semangat *patriotisme* dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita semua sedar bahawa PSSTLDM merupakan salah satu komponen utama dalam organisasi TLDM dan adalah penting bagi kita untuk memastikan anggota PSSTLDM ini sentiasa diberi latihan yang berkualiti selaras dengan perkembangan teknologi moden agar mereka kekal relevan dan bersedia untuk diaktifkan pada bila-bila masa.

26. Selain itu, aspek kebajikan warga *the Navy People* dan keluarga juga perlu dititikberatkan. Kebajikan adalah satu perkara yang penting dalam memastikan anggota kita dapat memberikan khidmat terbaik dengan minda yang tenang dan motivasi yang tinggi. Dalam hal ini, saya ingin menekankan peranan Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) untuk berganding bahu membantu dalam menjaga kebajikan anggota TLDM dan keluarga mereka terutamanya dari segi sokongan moral, bantuan sosial dan merancang program-program yang memberi manfaat.

3 KEUTAMAAN

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

27. Bagi membolehkan hasrat keempat-empat teras yang telah dirungkaikan sebelum ini tercapai, adalah penting untuk kita menilai dimanakah terdapatnya jurang yang perlu diisi. Saya merumuskan bahawa TLDM perlu memberi keutamaan kepada 3 perkara berikut:

KEUTAMAAN PERTAMA - MEMPERKUKUHKAN NILAI INTEGRITI

28. Integriti adalah tiang utama yang menyokong setiap tindakan dan keputusan yang dilaksanakan. Tanpa integriti, kewibawaan TLDM akan terjejas, dan kepercayaan rakyat terhadap TLDM akan tergugat. Oleh itu, setiap anggota TLDM perlu **menanamkan nilai integriti dalam setiap urusan, sama ada dalam perkhidmatan, kewangan atau operasi harian.**

29. Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab ke atas aset dan perbelanjaan negara, pengawalan kewangan dalam TLDM mestilah berada pada tahap yang terbaik. Setiap ringgit yang dibelanjakan perlu **diaudit dan dibuat pemantauan dengan teliti** serta pihak yang terlibat perlu memastikan bahawa ia digunakan untuk tujuan yang memberi pulangan terbaik kepada negara. Pengurusan kewangan yang ketat memerlukan kita mematuhi semua garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan dan agensi kewangan kerajaan. Sebarang peruntukan yang diterima, sama ada untuk pembelian aset, pembangunan infrastruktur atau latihan anggota, mesti dipantau dan dilaporkan secara telus. **Laporan kewangan yang telus, perbelanjaan yang berhemat, dan kepatuhan kepada tatacara kewangan** perlu menjadi amalan harian kita.

30. Saya turut ingin menegaskan bahawa saya **tidak akan berkompromi dengan sebarang kesalahan melibatkan integriti dan akan memberikan hukuman yang setimpal kepada mana-mana pegawai atau anggota yang terlibat dalam isu ini**. Kejayaan kita dalam mengurus kewangan dengan berintegriti bukan sahaja mencerminkan kecekapan TLDM, tetapi juga menjadi ukuran kepada keyakinan dan kepercayaan yang telah diamanahkan. Ingatlah sebarang perbuatan untuk memanipulasi peraturan kewangan yang telah ditetapkan, walaupun ia menjanjikan kebaikan kepada organisasi namun masih merupakan kesalahan.

KEUTAMAAN KEDUA - MENGKAJI DAN MEMBANGUNKAN DASAR, POLISI SERTA PROSES KERJA SEMASA AGAR LEBIH RELEVAN DAN EFISIEN

31. KEUTAMAAN KEDUA, iaitu **MENGKAJI DAN MEMBANGUNKAN DASAR, POLISI SERTA PROSES KERJA SEMASA AGAR LEBIH RELEVAN DAN EFISIEN**. Cabaran baru seperti perubahan teknologi, ancaman keselamatan siber, serta keperluan rakyat yang semakin kompleks menuntut kita untuk mengkaji semula cara kita beroperasi dan TLDM tidak boleh kekal dengan pendekatan yang usang atau proses kerja yang tidak lagi berkesan. Justeru, **mengemaskini dan memperbaiki dasar, polisi serta proses kerja adalah satu keperluan bagi memastikan TLDM kekal relevan, cekap dan responsif terhadap cabaran semasa**.

32. Sebarang dasar yang dibangunkan atau yang telah berkuatkuasa perlu sentiasa dinilai dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan ia masih sesuai dengan keperluan organisasi dan masyarakat yang sentiasa berubah. Dasar yang baik adalah dasar yang fleksibel dan mampu disesuaikan dengan perubahan konteks dan cabaran. Proses penilaian ini turut perlu melibatkan **semua peringkat termasuk maklum balas daripada anggota yang berada di barisan hadapan serta pihak berkepentingan lain**.

33. Proses kerja yang cekap akan membolehkan kita mencapai objektif dengan lebih pantas dan efektif. Ini termasuklah usaha untuk mengurangkan birokrasi, mempercepatkan kelulusan, dan meminimakan kelewatan dalam pelaksanaan dasar. **Teknologi digital perlu dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan proses dalaman**, seperti automasi dalam pentadbiran, sistem komunikasi yang lebih pantas dan pemantauan prestasi yang lebih telus.

KEUTAMAAN KETIGA - BACK TO BASICS

34. **KEUTAMAAN KETIGA** adalah **BACK TO BASICS**. Saya berpandangan dalam dunia yang serba maju dan penuh dengan cabaran teknologi moden, adalah mudah bagi kita untuk terperangkap dalam inovasi dan terlupa tentang elemen-elemen asas yang telah membentuk keunggulan kita sebagai sebuah organisasi yang penuh dengan tradisi ketenteraan ini. Walau bagaimanapun, *Back to Basics* bukanlah bermaksud kita mengabaikan kemajuan atau inovasi. Sebaliknya, ia adalah peringatan bahawa kemajuan yang sebenar hanya boleh dicapai apabila kita berpegang teguh kepada asas yang kukuh. Apabila asas ini kukuh, barulah kita dapat membina kejayaan yang berpanjangan, menghadapi cabaran yang lebih besar dan melangkah ke hadapan dengan keyakinan yang lebih tinggi.

35. **Disiplin adalah asas utama** dalam setiap warga tentera. Tanpa disiplin, tidak mungkin kita dapat beroperasi dengan teratur dan berkesan. Dalam TLDM, disiplin bukan sahaja bermaksud mematuhi peraturan, tetapi juga tentang dedikasi dan ketepatan dalam melaksanakan tugas serta komitmen untuk sentiasa memberikan yang

terbaik. Marilah kita kembali kepada disiplin yang kental kerana inilah yang membezakan kita dengan organisasi lain.

36. **Setiap warga *the Navy People* perlu memiliki kemahiran asas yang kukuh tidak kira pangkat atau kedudukan.** Sama ada dalam aspek pengendalian peralatan kapal, persenjataan atau navigasi, setiap kemahiran asas perlu diperkuuh dan sentiasa diasah. Kita tidak boleh alpa bahawa dalam situasi kecemasan atau pertempuran, kemahiran asas inilah yang akan menjadi penyelamat dan penentu kejayaan misi kita. Proses kerja perlu difahami dengan mendalam oleh setiap warga *the Navy People* tidak kira yang berada di kapal-kapal TLDM maupun yang berada di Pangkalan. Jika segenap lapisan warga *the Navy People* dapat mengendalikan tugas mereka dengan baik dan cekap, maka tanpa ragu-ragu lagi organisasi keramat ini akan menjadi organisasi yang cemerlang dan siap menghadapi sebarang cabaran dengan keyakinan yang tinggi.

37. Tidak kira sehebat manapun individu dalam sesuatu pasukan, kekuatan sebenar TLDM terletak pada **semangat kebersamaan (Esprit de Corps)**. Kita mesti mengingati bahawa setiap anggota adalah saling bergantung antara satu sama lain dan perlu bekerja sebagai satu pasukan agar mampu mengatasi cabaran yang mendarat. *Remember the strength of the organisation is determined by the weakest link in the chain. Identify this weakest link, strengthened it and insya-Allah the organisation will emerge stronger.*

PERINGATAN / NASIHAT

38. Sebelum kita terus melangkah ke hadapan, saya ingin menarik perhatian kepada beberapa isu penting yang kini dihadapi oleh kita semua yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh warga *the Navy People*.

39. Diperhatikan bahawa statistik kemalangan di tempat kerja dan di luar waktu kerja telah meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Insiden-insiden ini bukan sahaja menjelaskan keselamatan warga *the Navy People*, tetapi turut memberi kesan kepada kecekapan dan kesiagaan operasi TLDM. Di kesempatan ini, saya ingin menekankan agar setiap anggota perlu **memberi perhatian serius terhadap keselamatan diri tidak kira semasa bertugas atau di luar waktu tugas dan sentiasa memastikan pematuhan ketat terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP)** sebilang masa. Saya percaya dan yakin sekiranya setiap individu memainkan peranan yang penting, perkara ini dapat dibendung atau dielakkan.

40. Selain itu, peningkatan kes penyalahgunaan dadah, kes *bully*, kesalahan melibatkan moral dan Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC) dalam kalangan warga *the Navy People* juga saban hari menunjukkan peningkatan yang signifikan seolah-seolah tiada pengawalan dan penguatkuasaan yang serius dari pihak pengurusan tertinggi TLDM. Ini merupakan isu yang amat membimbangkan saya kerana ianya bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga mencemarkan disiplin, imej dan kehormatan kita sebagai angkatan yang dihormati. Kes-kes ini juga dalam masa yang sama turut menimbulkan stigma negatif, rasa

tidak puas hati dan ketidak percayaan masyarakat umum terhadap organisasi TLDM. Saya ingin menegaskan bahawa tindakan disiplin yang maksimum akan diambil terhadap mereka yang didapati bersalah dalam kes-kes ini tanpa sebarang kompromi.

41. Untuk menangani cabaran-cabaran ini, saya menyeru agar **langkah-langkah pencegahan diambil dengan segera oleh setiap Panglima-panglima dan Pegawai-pegawai Memerintah**. Ini termasuk pematuhan ketat terhadap prosedur keselamatan, pelaksanaan program kesedaran yang berterusan, serta pembangunan sahsiah dan disiplin melalui program latihan, pendidikan dan kaunseling yang lebih komprehensif.

PENUTUP

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

42. Sebelum mengakhiri Perintah Ulung ini, saya ingin memetik terjemahan dari Surah Al-Anfal, Ayat 60:

“Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; tetapi Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu infakkan di jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dizalimi (dirugikan)”

43. TLDM hendaklah bersiap siaga dalam apa jua keadaan bukan hanya secara fizikal, tetapi juga mental dan spiritual. Segala sumbangan untuk kebaikan dan kemaslahatan bersama, insya-Allah akan dibalas dengan kebaikan yang berlipat ganda. Marilah kita berpegang kepada kekuatan iman, ilmu dan amal dalam menempuh segala rintangan yang akan datang dan dengan izin-Nya, kita akan mencapai kejayaan bersama.

44. Sebagai penutup perutusan ini, saya ingin menegaskan sekali lagi betapa pentingnya setiap dari kita dari peringkat tertinggi hingga anggota bawahan untuk terus berganding bahu dalam memastikan kecemerlangan dan kegemilangan TLDM. Dengan keazaman, komitmen dan tindakan yang berfokus, saya yakin kita mampu mengatasi segala cabaran. Bersama-sama kita meneruskan legasi kebanggaan TLDM dengan penuh tanggungjawab, memikul amanah untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Saya menyeru, setiap daripada anda untuk memainkan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin dan dengan usaha bersama, kita akan terus melangkah ke hadapan, lebih kuat dan lebih kukuh. *I cannot do this on my own. I need all of us to commit ourselves to one purpose, that is the efficiency and effectiveness of this organisation.* Tuan-tuan bekerjalah bersama-sama dengan saya dan bukan bekerja untuk saya.

45. Akhir kalam, saya berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melimpahkan rahmatNya kepada perkhidmatan dan negara yang kita kasih, melindungi dan mempermudahkan setiap urusan kita. Saya percaya, keberadaan TLDM sebagai benteng pertahanan negara pada hari ini diyakini dan disambut baik oleh rakyat seluruhnya.

Semoga keharmonian, keamanan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara selama-lamanya. Amin, Amin Ya Rabbal Alamin. *Lets plan the dive and dive the plan.*

46. Sekian, saya akhiri perutusan ulung ini dengan lafaz,

وَبِاللّٰهِ تُوفَّقُ وَالْحَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

'SEDIA BERKORBAN'



PERUTUSAN ULUNG PANGLIMA TENTERA LAUT KE-19

18 OKTOBER 2024 | 15 RABIULAKHIR 1446H (JUMAAT)




PERUTUSAN ULUNG

Panglima Tentera Laut Ke-19

LAKSAMANA DATUK ZULHELMY BIN ITHNAIN

Syukur & Sekalung Penghargaan





Pegangan Dalam Menerajui Tentera Laut Diraja Malaysia

**TERUS MERANGSANG
PENCAPAIAN DAN KECEMERLANGAN TLDM
YANG TELAH DIPELOPORI
OLEH
KEPIMPINAN TERDAHULU**

**MENEGAKKAN NILAI-NILAI TERAS TLDM
IAITU
KEMULIAAN, KESETIAAN, KEBERANIAN
DAN KEBANGGAAAN**

3 FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL

MENJAMIN KESELAMATAN TANAH AIR & KEMAKMURAN NEGARA

1 Pembangunan Ekonomi Negara

2 Kestabilan Politik

3 Keselamatan

Pelancongan

Transaksi perniagaan bernilai **RM86 bilion**



Industri Perikanan

1.4 juta tan metrik bernilai **RM10.8 bilion**
Kerugian **RM6 bilion** setahun (perikanan haram)



Selat Melaka

>80,000 transit setahun
25% daripada dagangan dunia



Simpanan Petroleum & Gas

21 bilion tong setara



**MALAYSIA NEGARA MARITIM
Sea to Land RATIO
(2:1)**

PENGHORMATAN dan IKTIBAR

Pengorbanan para wira dan wirawati TLDM yang telah terkorban tidak akan dilupakan

Sebagai penghormatan serta iktibar,
kita bertanggungjawab
dalam memastikan kejadian seperti ini tidak lagi
berulang

Komitmen semua warga *the Navy People* diperlukan
demi memartabatkan kembali nama baik TLDM serta
mengelakkan daripada insiden yang sama dari
berulang
kembali

إِنَّ اللَّهَ وَإِنَا إِلَيْهِ رَجُوعٌ



4 TERAS 3 KEUTAMAAN





TERAS **PERTAMA**

Memastikan Kesiagaan Armada Sebagai Fokus Utama

1

Tumpuan dijuruskan untuk melaksanakan pengurusan dan senggaraan armada secara komprehensif dan terancang

2

Pendekatan berhemah atau pendekatan baru yang lebih kreatif serta inovatif dalam aspek selenggaraan kapal

3

Kajian yang kukuh serta mapan terhadap program *Re-Life* aset-aset TLDM

4

Manfaatkan teknologi terkini dengan mendukung pelan dan inisiatif yang dibangunkan kerajaan atau kementerian

5

Menekankan aspek kesiagaan warga *the Navy People*



TERAS **KEDUA**

Memperkasa Penajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform)

Mendukung Hasrat
Kertas Putih Pertahanan (KPP),
Strategi Ketenteraan Negara (SKN 2.0)
dan Pembangunan
Angkatan Masa Hadapan (AMH)




Program *Phased In Phased Out* (PIPO) mula dirancang sesuai dengan keperluan yang telah digariskan di dalam Penajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform)



Berlandaskan 6 ciri-ciri AMH iaitu Kebersamaan, Kebolehoperasian, Berasaskan Teknologi, Berorientasikan Misi, Kecekapan Logistik dan

Berupaya untuk Beroperasi di dua Wilayah





TERAS **KETIGA**

Mengukuhkan Integrasi dan Sinergi Antara Angkatan serta *Jointness*

01

Kepakaran, sumber daya dan teknologi yang berbeza harus diintegrasikan melalui semangat kebersamaan yang kukuh

Pendekatan
Whole of Government & Whole of Society (WoGoS)

02

Penumpuan TLDM akan berpandu dan berpaksikan kepada aspirasi pembentukan Reformasi Angkatan 30





TERAS **KEEMPAT**

Memperkasa Pengurusan Sumber Manusia



- 01** SLK dan SKTL kekal diteruskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa
- 02** Perancangan yang lebih efisien sejajar dengan perkembangan perolehan aset-aset baru
- 03** Konsep '*Right Man For The Job*'
- 04** Komitmen untuk memperkasakan peranan dan keberkesanannya PSSTLDM
- 05** Aspek kebijakan dan peranan BAKAT dititikberatkan


01

KEUTAMAAN

Memperkuatkan Nilai Integriti

01

Menanamkan nilai integriti dalam segala urusan



02

Laporan kewangan yang telus, perbelanjaan yang berhemat dan kepatuhan terhadap tatacara kewangan



03

Mengukuhkan sistem audit dan pemantauan




04

Tiada kompromi dengan sebarang kesalahan melibatkan integriti





Manfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan proses dalaman



Pengemaskinian dasar, polisi serta proses kerja

Penglibatan semua pihak termasuk maklum balas anggota yang berada di barisan hadapan serta pihak berkepentingan yang lain



1

Elemen-elemen asas ketenteraan
diberi perhatian

2

Disiplin sebagai asas utama

3

Kemahiran asas yang kukuh

4

Semangat kebersamaan
(Esprit De Corps)

PERINGATAN NASIHAT



Mengambil serius soal keselamatan
dan sentiasa mematuhi SOP




Langkah pecegahan diambil oleh
warga *the Navy People*

Peningkatan kes penyalahgunaan dadah,
moral, *bully* dan THTC perlu diberi perhatian
serius




Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; tetapi Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu infakkan di jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dizalimi (dirugikan)

Surah Al-Anfal ayat ke-60



Berpegang kepada kekuatan iman, ilmu dan amal dalam menempuh segala rintangan yang mendarat



TLDM hendaklah bersiap siaga dalam apa jua keadaan bukan hanya secara fizikal tetapi juga mental dan spiritual

" I cannot do this on my own. I need all of us to commit ourselves to one purpose, that is the efficiency and effectiveness of this organisation.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan bekerjalah bersama-sama dengan saya
dan bukan bekerja ~~untuk~~ saya"

SEDIA BERKORBAN



Lets Plan The Dive and Dive The Plan

